

22 MAY 2003

SABAH-MAKANAN/I

MAJORITI PENGELUAR MAKANAN SABAH MASIH TIDAK PATUHI AKTA MAKANAN

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 22 Mei (Bernama) -- Majoriti pengeluar makanan tempatan di Sabah masih belum mematuhi peruntukan Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985, terutamanya mengenai pelabelan pemakanan dan keperluan bagi makanan berbungkus meskipun tarikh akhirnya ialah 1 Sept tahun ini.

Bagi menangani isu berkenaan, Persekutuan Pengeluar-pengeluar Sabah (FSM), dengan kerjasama Bahagian Kawalan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan, menganjurkan forum di sini hari ini bagi membincangkan isu tersebut.

Pengerusi penganjur, Albert Chai, berkata forum itu bertujuan memaklumkan lebih 500 pengeluar makanan tempatan di Sabah mengenai peraturan baru berkenaan.

"Saya percaya sebilangan besar pengeluar ini masih belum membuat persediaan bagi peraturan baru itu," katanya kepada Bernama.

Di bawah Akta Makanan dan Akta Peraturan Makanan, pengeluar makanan perlu menyatakan kandungan protein, lemak, nilai tenaga, karbohidrat dan gula dalam produk mereka.

Pelabelan makanan merupakan gambaran pemakanan untuk memaklumkan pengguna mengenai kandungan nutrient makanan.

Chai berkata selepas 1 Sept, pengeluar makanan yang gagal mematuhi Akta berkenaan boleh dikenakan denda atau dipenjarakan.

Beliau berkata tiada alasan bagi mereka untuk memohon penangguhan tarikh akhir memandangkan Kementerian Kesihatan telah memberi masa yang mencukupi.

Chai, yang juga anggota FSM, berkata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng telah membuat pengumuman mengenai perkara itu pada 2000 dan dengan demikian pengeluar makanan tidak boleh mendakwa mereka tidak menyedarinya.

Sementara itu, presiden Persatuan Penggunaan Sabah (Cash) Patrick Sindu, berkata Cash menyokong penuh langkah kerajaan untuk mengenakan hukuman terhadap pesalah.

"Malah, ini sepatutnya dilakukan sejak dahulu lagi. Tetapi tidak ada gunanya mengenakan penalti yang berat jika penguatkuasaan undang-undang tidak efektif," kata beliau.

Beliau berkata pihak berkuasa perlu terus memantau produk makanan yang dijual bagi memastikan pengeluar makanan mematuhi peraturan berkenaan.

Sementara itu, mengulas mengenai pakej strategi ekonomi bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Sindu berkata ianya baik untuk rakyat.

Bagaimanapun, beliau mencadangkan "pinjaman khas" diperkenalkan untuk kumpulan yang berpendapatan rendah terutama kakitangan kerajaan bagi mengelak mereka meminjam daripada "Along". -- BERNAMA

NT FR